

CNS1439

U GB 26-07 00153 BC405

Bah

Mahathir - Kaum

MALAYSTA MAJU KERANA KERAJAAN MENGAMBILKIRA KEPENTINGAN SEMUA KAUM  
KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kemajuan yang dinikmati oleh negara ini adalah hasil sikap prihatin kerajaan mengambilkira kepentingan semua kaum.

"Kita tidak menindas kaum Cina, India dan lain-lain kerana mengutamakan orang Melayu dan mengagih-agihkan kekayaan kepada semua pihak," katanya pada perhimpunan Barisan Nasional Kelantan di Dewan Perniagaan Cina di sini.

"Walaupun perbezaan kita tidak terhad kepada kaum yang meliputi perbezaan agama, bahasa, kebudayaan dan cara hidup, tetapi mampu mencapai prestasi cemerlang hasil keadilan dalam pentadbiran," kata beliau.

Beliau berkata ada juga negara yang sudah lama mempunyai penduduk berbilang kaum jarang terdapat keamanan.

Dr Mahathir berkata kebanyakan negara itu menghadapi masalah perselisihan antara kaum sehingga berlaku rusuhan dan peperangan antara kaum-kaum yang tinggal di dalam negara yang berbilang kaum. -- Lagi

▼26/07/20-12MST

CNS1446

U GB 26-07 00191 BC406

Bah

Mahathir - Kaum 2 Kota Baharu

Ada juga di sesetengah negara walaupun tidak berlaku pembunuhan tetapi penindasan dan ketidakadilan yang diasaskan kepada berlainan agama dan kaum berlaku, katanya.

"Tetapi di Malaysia keadaannya aman dan ada penduduk bukan Melayu tidak takut hidup di tengah-tengah masyarakat Melayu walaupun kita ada perasaan itu dan ini tetapi umumnya masih dapat hidup aman damai..," jelasnya.

Malaysia juga dapat membangunkan ekonominya yang kini tumbuh dengan pesat berbanding dengan mana-mana negara di dunia, walaupun sebelum ini banyak pihak meramalkan ekonomi negara lemah berikutan rusuhan kaum dan kekacauan akan berlaku di Malaysia kerana faktor berbilang kaum.

"Kalau kita mentadbir negara dengan baik tanpa masalah perkauman, pembangunan negara akan terus berjalan. Apabila kita makmur Malaysia tidak perlu meminta bantuan negara lain dan ini menolong memberi kebebasan kepada kita dalam arena antarabangsa untuk menegur negara Barat yang menindas umat Islam di Bosnia", jelas Perdana Menteri.

Malaysia, katanya, tidak bergantung dengan orang lain kerana negara ini aman maju dan makmur serta mempunyai hasil yang banyak kerana pemimpinnya boleh mentadbir dengan aman berbanding dengan negara-negara Islam yang lain. -- Lagi

▼26/07/20-29MST

CNS1449

U GB 26-07 00164 BC407

Bah

Mahathir - Kaum 3 Kota Baharu

Katanya, negara-negara berkenaan tidak dapat menolong Bosnia kerana berhutang dengan negara Barat dan mengharapkan Malaysia untuk menyuarakan bantahan terhadap ketidakadilan di Bosnia.

Sebab itu menjadi makmur dan kaya amat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia yang tidak terikat dengan mana-mana negara, membolehkan pemimpinnya berkata dengan terus terang terhadap negara-negara Barat yang melakukan ketidakadilan terhadap penduduk Islam di Bosnia.

Beliau juga berkata sebenarnya tidak ada pengangguran di Malaysia kerana dalam perkiraan perangkaan, empat peratus bermakna semua orang mendapat kerja dan angka itu disebabkan ada sesetengah rakyat tidak mahu kerja atau kerja separuh masa atau kerja sendiri dan ini tidak termasuk dalam perkiraan.

Bagaimanapun, katanya, kadar empat peratus menganggur itu kebanyakannya berlaku di Kelantan dan Sabah kerana kerajaannya tidak cekap memerintah.

Malaysia juga boleh mencapai lebih daripada lapan peratus pertumbuhan ekonomi setahun, tetapi ini kerana pertumbuhan di kedua-dua negeri yang diperintah oleh pembangkang itu rendah. -- Lagi

▼26/07/20-38MST

CNS1451

U GB 26-07 00149 BC408

Bah

Mahathir - Kaum 3 (Akhir) Kota Baharu

Dr Mahathir juga meminta anggota dan pemimpin parti Semangat 46 supaya membubarkan parti itu kerana ramai di antara pemimpinnya sudah keluar menyertai UMNO dan ada di antaranya menyertai pertubuhan sukarela seperti Persatuan Bekas Perajurit.

Katanya, orang Kelantan boleh menjadi Perdana Menteri sekiranya mereka bersabar menunggu giliran kerana bukan orang dari Kedah sahaja yang akan terus memegang jawatan itu sambil menambah "kalau bukan 1995 mungkin pada tahun 2,000 atau 2020".

Beliau juga mengingatkan, bahawa politik bukanlah untuk orang tertentu tetapi demi untuk kepentingan dan maruah negara.

Katanya, sebenarnya Semangat 46 tidak sedikitpun berkuasa di Kelantan, tetapi telah diperalatkan oleh PAS.

Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman turut hadir di majlis itu. -- Bernama

NH HT OA